

23 tahun penuh kegemilangan

Shah Alam model ikonik pembangunan mampan

Oleh **NORSHAHZURA MAT ZUKI**
SHAH ALAM

Tarikh 10 Oktober merupakan tarikh bermakna kepada seluruh warga bandar raya Shah Alam dan warga kerja MBSA kerana itulah detik Shah Alam telah dinaik taraf sebagai bandar raya 23 tahun lalu.

Menelusuri garis masa selama 23 tahun ini, Shah Alam mengalami perubahan pesat seiring dengan perkembangan teknologi.

Bandar raya Shah Alam telah mengalami proses perbandaran terancang demi memastikan warganya menikmati pembangunan selesa serta memenuhi kualiti kehidupan.



NOR FUAD

Berpaksikan 'Matlamat Pembangunan Mampan', Shah Alam kini giat berusaha menuju ke arah bandar raya pintar, berdaya huni, berdaya saing dan mampan.

Datuk Bandar Shah Alam, Dr Nor Fuad Abdul Hamid berkata, usaha tersebut dilaksanakan secara holistik dan komprehensif dengan sokongan penuh daripada warga bandar raya itu.

"Justeru, syabas dan tahniah kepada seluruh warga kota Shah Alam yang amat komited dalam memastikan bandar raya yang dicintai ini terus maju, cemerlang dan memenuhi keperluan generasi akan datang," katanya

kepada *Sinar Harian*.

Nor Fuad berkata, sebagai menghargai warga Shah Alam dan sempena dengan sambutan ulang tahun bandar raya Shah Alam kali Ke-23, pelbagai aktiviti dan promosi yang dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan antara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan warga Shah Alam.

Beliau berkata, selain program yang diadakan itu, MBSA turut menawarkan beberapa insentif untuk dikongsi bersama warga bandar raya itu bermula pada 1 hingga 31 Oktober 2023.

"Antara insentif itu ialah kempen pengurangan kompaun terpilih sebanyak 75 peratus dan RM10 terhadap kompaun kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MBSA 2007," katanya.

Selain itu, keahlian percuma sepanjang Oktober juga diberikan kepada mereka yang ingin menjadi ahli perpustakaan disediakan oleh MBSA.

Insentif dan program yang disediakan ini adalah untuk menghargai warga Shah Alam yang telah bersama-sama menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya yang hebat dan ikonik di negara ini.

Antara program yang akan dilaksanakan:

- Program Bicara Ilmuwan Shah Alam Berselawat pada 14 Oktober 2023 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.
- Kejohanan Catur Shah Alam pada 21 Oktober 2023 di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 Shah Alam.
- Program Konvoi Jelajah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) pada 21 Oktober 2023 di MPP Zon 21 (Utara), MPP Zon 1 (Tengah) dan MPP Zon 9 (Selatan).
- Shah Alam City Exciting Race pada 22 Oktober 2023 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.
- Hari Mesra MBSA pada 24 Oktober 2023 di iCity Central, Seksyen 7, Shah Alam.
- Pesta Bunga & Pameran Anggerik Shah Alam pada 25 hingga 29 Oktober di Taman Persahabatan Selangor-Jepun, Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.
- Pertandingan Memancing Shah Alam pada 29 Oktober 2023 di Taman Tasik Shah Alam.
- Kejohanan Kayak pada 29 Oktober 2023 di Taman Tasik Shah Alam.

MBSA pupuk semangat altruisme ke akar umbi

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan Festival Altruisme 3.0 bagi memupuk semangat altruisme dengan lebih meluas kepada masyarakat.

Penganjuran festival itu mendapat kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam melalui Akademi Pengajian Bahasa.

Menurut Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Mohd Azhar Mohd Sharif penganjuran festival itu diharapkan dapat menggalakkan masyarakat setempat untuk menyumbang khidmat dan bakti kepada golongan kurang upaya (OKU).

"Festival Altruisme 3.0 dengan tema 'Altruisme Menyemai Kesedaran Komuniti Inklusif Kewujudan Golongan OKU' berjaya menyusun pelbagai aktiviti sejajar dengan objektif ditetapkan.

"Malah penganjuran festival ini juga menyediakan platform kepada organisasi

dan komuniti luar mempromosikan produk, perkhidmatan dan peluang sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial organisasi yang terlibat.

"Salah satunya ialah Stesen Karnival OKU yang menyediakan aktiviti seperti permainan catur, dam ular dan domino braille serta pelbagai jenis permainan termasuk mewarna, melukis dan seni tanah liat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Terdahulu, majlis perasmian festival yang diadakan di Pusat Konvensyen MBSA Seksyen 13 di sini disempurnakan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis), Lim Bee Eng.

Selain itu, antara pengisian lain yang menarik perhatian adalah forum Bual Bicara: Cakna OKU dengan kupasan tajuk Isu Ketidaksetaraan dan Kebolehpasaran dalam Kalangan OKU di Malaysia.



Bee Eng (tengah) ketika majlis perasmian Festival Altruisme 3.0 di Pusat Konvensyen MBSA Seksyen 13, Shah Alam.

MJ Car pelopori perkhidmatan sewaan kereta pertama, bantu jana pendapatan

KUALA LUMPUR - MJ Car Management (MJ Car) menyasarkan 3,000 unit sewaan bagi mengukuhkan kedudukannya dengan melancarkan Program 'Transformasi Kereta Kepada Aset' untuk menjana pendapatan di negara ini.

Sebagai pelopor nombor satu industri perkhidmatan itu, sasaran tersebut ditumpukan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebagai pasaran utama iaitu selaras dengan misi syarikat itu, "Setiap Orang Boleh Beli dan Sewa Kereta".

MJ Car dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya membuka peluang kepada orang persendirian yang ingin menyewakan atau membeli kereta mereka untuk disewakan kepada pihak ketiga sekali gus menjana pendapatan yang lumayan.

"Pelanggan (orang persendirian) berpotensi akan didedahkan dengan program kereta sewa selain diberikan bimbingan sehinggalah proses perjanjian pinjaman bank dan pemilikan kereta mereka diselesaikan," kata kenyataan itu yang dikeluarkan kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada masa sama, MJ Car memberi jaminan kepada para pelanggannya yang mana setiap penyewaan kereta



Pelanggan boleh menjana pendapatan menerusi perkhidmatan komprehensif yang ditawarkan MJ Car.



akan dilakukan proses pemeriksaan dan ujian yang ketat.

Malah, kereta yang disewakan itu dilengkapi dengan Sistem Pemasangan Global (GPS) bagi memastikan keselamatan dan kualitinya sebelum didaftarkan untuk kegunaan pihak ketiga seperti pemandu e-hailing.

"Komitmen ini membuktikan dedikasi kami sebagai pelopor terutama industri perkhidmatan penyewaan kereta yang memberikan manfaat menang-menang di antara pemilik dan pemandu," kata MJ Car lagi.

Sementara itu, tempoh perjanjian penyewaan adalah selama tujuh tahun manakala pendapatan sewaan kereta itu akan dibayar kepada para pelanggan secara mingguan. Selepas tempoh itu, para pelanggan boleh melanjutkan sewaan kepada MJ Car sehingga dua tahun atau menjual kereta mereka.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan yang berminat boleh melayari laman web <https://mjcar.co/>.